

SOALAN NO: 52

**PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. TAN KEE KWONG
[WANGSA MAJU]**

TARIKH : ISNIN, 26 MAC 2018

RUJUKAN : L14 [PR-1361-L04995]

SOALAN :

Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan apakah status terkini dengan pemindahan Bazarria Danau Kota.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Wangsa Maju, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) masih meneruskan perancangan untuk memindahkan para penjaja Bazaria Danau Kota ke Jalan Genting Kelang. Pelaksanaan projek pembinaan Bazaria Genting Klang sedang dilakukan pada masa ini dan dijangka dapat disiapkan pada pertengahan tahun 2020.

Penyelarasan beberapa isu halangan di tapak sedang diambil tindakan termasuk menempatkan semula para penjaja atau peniaga sedia ada di tapak pemindahan. Tindakan ini termasuk membina gerai yang mempunyai 32 unit yang terdiri daripada 7 gerai makan dan 25 gerai kering dan jumlah tersebut, sebanyak 20 unit diperuntukkan kepada peniaga di Medan Aneka Jalan Genting Kelang manakala baki 12 unit lagi adalah untuk 12 peniaga di kawasan sekitar JPJ Wangsa Maju.

SOALAN (53)

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 26 MAC 2018
[ISNIN]DARIPADA : LAKSAMANA PERTAMA HAJI MOHAMAD IMRAN
BIN ABDUL HAMID (B)
[LUMUT]

SOALAN :

YB LAKSAMANA PERTAMA HAJI MOHAMAD IMRAN BIN ABDUL HAMID (B) [LUMUT] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan bahawa elaun risiko untuk warga Bomba dan Penyelamat akan dibayar mulai tahun ini.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah meluluskan **5 jenis elaun** kepada pegawai bomba mengambil kira risiko serta cabaran yang dihadapi oleh mereka dalam melaksanakan tugas seharian. Elaun-elaun tersebut yang dibayar **secara bulanan** adalah seperti berikut:

- (i) **Bayaran Insentif Bomba (BIB)** sebanyak **RM110.00** kepada semua anggota yang bertugas secara syif di balai;

- (ii) Elaun ***Hazardous Material (HAZMAT)***, elaun **Pasukan Penyelamat di Air (PPDA)** dan elaun ***Emergency Medical Rescue Services (EMRS)*** masing-masing pada kadar **RM100.00** dan hanya dibayar kepada anggota pasukan berkenaan sahaja. Setiap anggota pasukan-pasukan khas hanya layak menerima satu jenis elaun sahaja; dan

- (iii) Elaun **Pemandu Kenderaan Bomba** sebanyak **RM150.00** dibayar kepada pemandu jentera dan kenderaan khas.

123

Kerajaan juga telah meluluskan permohonan Elaun Khas Skim Perkhidmatan kepada anggota Bomba dan Penyelamat di seluruh negara. Dengan itu, semua anggota Bomba dan Penyelamat akan menikmati penambahan 1 lagi elaun khas pada kadar RM200.00 sebulan bermula 1 April 2018.

Elaun khas ini akan melibatkan seluruh anggota Bomba dan Penyelamat seramai 13,342 orang dengan implikasi kewangan sebanyak RM2,668,400.00 sebulan bersamaan RM32,020,800 setahun.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Mac 2018